

19 OCT 1997

Siti Hasmah - Zamalah

SITI HASMAH TERIMA ZAMALAH KEDOKTORAN KELUARGA

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini dianugerahkan Zamalah Kehormat Kedokteran Keluarga oleh Akademi Kedokteran Keluarga Malaysia sempena mesyuarat agung tahunan dan konvokesyen akademi itu.

Anugerah itu sebagai menghargai sumbangan beliau dalam bidang pendidikan perubatan di Malaysia, menurut kenyataan yang dikeluarkan akademi itu di sini.

Dr Siti Hasmah, yang menuntut di Universiti Malaya di Singapura, menerima Ijazah MBBS pada 1957.

Beliau menyertai perkhidmatan kerajaan dengan bertugas sebagai sebagai doktor di wad pesakit luar, klinik bersalin dan perubatan sebelum menjadi Pemangku Penguasa Perubatan Hospital Besar Alor Strar, wanita pertama memegang jawatan seumpama itu.

Beliau juga merupakan bekas Ketua Bahagian Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak Kementerian Kesihatan sehingga kontraknya berakhir pada 1979.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata majlis itu, berkata kerajaan dan rakyat mengharapkan tahap latihan dan pengamalan yang tinggi di kalangan doktor keluarga.

"Sehubungan itu, amat penting bagi doktor keluarga menunjukkan kualiti dan kecekapan yang tinggi dalam memberi khidmat penjagaan kesihatan," kata beliau.

Dalam ucapannya, Siti Hasmah berkata perkhidmatan kesihatan negara kini berkembang pesat berbanding di zaman penjajah apabila masyarakat tempatan tidak begitu berminat dalam ubat-ubatan Barat.

Keadaan kini berubah dan lebih ramai mendapatkan rawatan perubatan moden tetapi malangnya masih mengharapkan kerajaan menyediakan perkhidmatan percuma seperti sebelum ini.

Katanya, perkara itu tidak mungkin dapat dilaksanakan dan tidak ada kerajaan yang mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh sekalipun dengan sumbangan daripada rakyat, katanya.

Beliau berkata sesetengah kos harus dikongsi bersama sama ada menerusi insurans kesihatan atau sumbangan dari institusi lain.

Turut hadir pada majlis itu ialah Raja Perlis Tuanku Syed Putra Tuan Syed Hassan Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis Tunku Budriah Tunku Ismail. -- BERNAMA

NY NW FAZ